



KEMALANGAN MELIBATKAN KREN MENARA, KUALA LUMPUR

HASIL SIASATAN

Pemasangan sambungan screw cap mungkin dilakukan oleh pekerja yang tidak kompeten dan cuai

Kawalan kualiti yang amat lemah atau tidak kredibel semasa pemasangan sistem luffing drum ke atas jentera

Tiada pemeriksaan pemasangan yang terperinci ke atas jentera di jalankan selepas kerja pembaikan ke atas luffing winch.

APA YANG TERJADI?

Seorang pekerja warga Indonesia dan Bangladesh maut ketika kerja-kerja mengangkat menggunakan kren menara jenis luffing. Ketika operator kren cuba menaikkan bum kren, dengan tiba tiba bum kren di dapati tidak bergerak, bum kren sebaliknya tiba tiba turun sedikit dan kemudian terus jatuh ke bawah dengan begitu pantas beserta beban kayu binaan yang sedang diangkat.



APA YANG BOLEH DIPELAJARI

Pemeriksaan kualiti dan keselamatan yang komprehensif dan terperinci ke atas jentera perlu dilakukan oleh syarikat dan orang yang kompeten semasa dan selepas pemasangan jentera disempurnakan.

Mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi pekerja pemasangan jentera bagi meningkatkan lagi kualiti pemasangan jentera dan seterusnya menjamin keselamatan penggunaan jentera tersebut.

Pemasangan komponen-komponen jentera perlu dilakukan oleh pekerja yang terlatih dan berpengalaman.



#NOKSELAMATSOKMO
FOR MYSELF | FOR MYFAMILY | FOR MYFUTURE
ZERO LTI, ZERO SPILL, ZERO HARM